



SEBAHAGIAN penuntut FKP menyertai program khidmat masyarakat Global International Students Outreach di Kampung Potti Inn, Kemboja, baru-baru ini.



PENUNTUT FKP membantu anak-anak mengulang kaji pelajaran dalam program khidmat masyarakat Global International Students Outreach di Kampung Potti Inn, Kemboja, baru-baru ini.

## 23 penuntut USIM sertai khidmat masyarakat di Kemboja

SEREMBAN 30 Julai - Seramai 23 penuntut Pengajian Agama dan Aqidah Tahun 3, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai program khidmat masyarakat Global International Students Outreach (GISO) ke Kampung Potti Inn, Kemboja baru-baru ini.

Program lima hari itu bertujuan meningkatkan jati diri, berfikir kritis, melatih daya kepimpinan,

kemahiran berorganisasi selain memupuk semangat membantu dalam kalangan peserta.

Menurut Pengarah program, Muhammad Asyraf Izzat Abdul Wahab, program berkenaan juga dilihat sebagai salah satu cara untuk mendedahkan mahasiswa kepada kehidupan masyarakat di luar negara yang kurang bernasib baik.

Menurutnya, program kema-

sarakatan itu turut membantu peserta memahami nasib masyarakat minoriti beragama Islam yang terpaksa hidup dalam kemiskinan.

"Sepanjang berada di sini pelbagai program telah kita lakukan dengan memberi bantuan dalam bentuk pendidikan khususnya untuk anak Islam Kemboja dengan mengendalikan kelas bahasa Inggeris, tajwid dan kelas kemahiran teknologi maklumat dan

komunikasi (ICT)," katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pihaknya juga mencari bantuan dan sumbangan daripada orang ramai untuk didermakan kepada masyarakat di kawasan terabit.

"Sumbangan yang kami terima daripada masyarakat di Malaysia berjaya digunakan untuk membina perigi, mengedarkan pakaian, mengadakan majlis akikah, mengecat

asrama dan melaksanakan modul kelas agama," katanya.

Dalam pada itu, Mufti Kemboja, Kamaruddin Yusuf memberitahu, beliau amat berterima kasih atas kunjungan penuntut USIM yang telah sudi membantu penduduk kampung di sini dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang berfaedah dan menarik.

"Kami amat terharu menerima sumbangan alat pengguna kuasa elektrik yang akan digunakan oleh se-

dua penduduk kampung ini.

"Kemudahan ini sudah pasti akan banyak membantu kami semua dalam melakukan aktiviti harian lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan ini," katanya.

Aktiviti lain yang dijalankan termasuk lawatan ke Madrasah An' Nikmah di Phnom Penh selain aktiviti sukaneka dan gotong-royong mengindahkan kawasan sekolah dan asrama.